



## PENGARUH PROGRAM PEMBANGUNAN TERHADAP PILIHAN POLITIK DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) BATANG KALI, HULU SELANGOR, SELANGOR

### *THE INFLUENCE OF DEVELOPMENT PROGRAMS ON POLITICAL CHOICES IN THE AREA OF STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY OF BATANG KALI, HULU SELANGOR, SELANGOR*

Noor Amira Sukor<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor  
Email: a170200@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor  
Email: jab@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 01.08.2021

Revised date: 02.09.2021

Accepted date: 05.09.2021

Published date: 19.09.2021

##### To cite this document:

Sukor, N. A., & Awang Besar, J. (2021). Pengaruh Program Pembangunan Terhadap Pilihan Politik Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (25), 23-39.

DOI: 10.35631/IJLGC.625004.

#### Abstrak:

Pembangunan amat berkait rapat dengan politik pilihan raya di sesuatu kawasan. Ahli politik yang menang dalam pilihan raya akan bertanggungjawab melaksanakan program pembangunan. Program pembangunan yang dilaksanakan akan dijadikan modal kempen pada pilihan raya akan datang sebagai usaha untuk mengekal atau menambah sokongan pengundi kepada ahli dan parti politik tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis politik pilihan raya dan pembangunan di kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa 90 peratus responden berpuas hati dengan kemudahan awam iaitu pusat ibadah kerana mempunyai kemudahan yang lengkap dan selesa. Seterusnya, impak tertinggi terhadap pembangunan setempat terhadap sosioekonomi ialah 76 peratus berlakunya kesesakan lalu lintas di kawasan ini. Seterusnya, 92 peratus responden menyatakan bahawa pemimpin politik setempat terutamanya wakil rakyat perlu kreatif dan mempunyai hubungan baik dengan pimpinan politik tertinggi dan juga pemaju pembangunan agar kawasan mereka lebih maju. Hasil kajian juga mendapati bahawa 88 peratus responden akan mengundi parti politik atau kerajaan yang

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



berjaya merencanakan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur di kawasan ini. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya, menambah sumber rujukan kepada semua pihak, menjadi panduan kepada pihak yang berkaitan dan strategik pelaksanaan dasar awam dan gerak kerja dalam pentadbiran.

#### **Kata Kunci:**

Program Pembangunan, Pilihan Politik, Kempen, Kemudahan Awam, Wakil Rakyat

#### **Abstract:**

Development is closely related to the politics of elections in an area. Politicians who win elections will be responsible for implementing development programs. The development program implemented will be used as a campaign in the next election as an effort to maintain or increase support from voters for members and political parties. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze the politics of elections and development in the Batang Kali constituency, Hulu Selangor, Selangor. This study uses field data collection methods involving questionnaires, interviews, and field observations. Data analysis techniques were used using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. The results of the study found that 90 percent of the respondents are satisfied with the public facilities, namely worship centers because they have complete and comfortable facilities. Furthermore, the highest impact on local development on the socio-economy is 76 percent of traffic congestion in this area. Furthermore, 92 percent of respondents stated that local political leaders, especially elected representatives, need to be creative and have good relations with the highest political leaders and developers so that their constituencies are more developed. The results of the study also found that 88 percent of respondents will vote for political parties or governments that have succeeded in boosting socio-economic and infrastructure development in this area. In conclusion, this study is important because it can increase knowledge, add data related to electoral political studies, add reference sources to all parties, be a guide to relevant parties, and strategic implementation of public policy and work in administration.

#### **Keywords:**

Development Programs, Political Choice, Campaigns, Public Facilities, Elected Representatives

## **Pengenalan**

Pembangunan merupakan proses transmisi yang merangkumi seluruh sistem sosial, seperti politik, ekonomi, infrastruktur, pertahanan, pendidikan dan teknologi, institusi, dan budaya. Maka dengan itu, pembangunan ialah adanya suatu kemajuan atau perubahan dan pertumbuhan taraf hidup masyarakat. Politik pula adalah hubungan antara manusia dalam sesuatu kelompok sosial. Interaksi yang berlaku dalam kumpulan manusia tersebut terkandung antaranya konflik. Oleh itu politik merupakan hubungan antara individu dengan negara yang dihuninya. Umum mengetahui bahawa Malaysia mengamalkan konsep Demokrasi Berparlimen yang bermaksud rakyat berhak memilih pemimpin dengan cara pengundian iaitu pilihan raya. Sistem Demokrasi Berparlimen di negara ini adalah di bawah Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah digubal

dengan mengadakan syarat sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan sistem ini. Salah satu kriteria dalam sistem ini adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian dalam pemerintahan iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif (pentadbiran). Malaysia juga merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi berasaskan kepada sistem Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan ini, negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah telah bersetuju dengan konsep penubuhan Negara Malaysia

Malaysia telah memilih dan mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Demokrasi Berparlimen adalah di mana rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara manakala Raja-Raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat. Sistem Raja Berperlembagaan, merupakan pemerintahan yang mengekalkan raja sebagai pemerintah tertinggi negara dan negeri yang dibantu oleh Perdana Menteri manakala sistem Republik menolak institusi beraja. Kerajaan ini diketuai oleh presiden yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Kerajaan yang dipilih rakyat melalui pilihan raya untuk kerusi Parlimen dan DUN akan melaksanakan projek pembangunan berdasarkan kuasa dan peruntukan kewangan yang ada untuk kesejahteraan rakyat dan untuk dijadikan alasan bagi dipilih lagi pada pilihan raya akan datang. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji politik pilihan raya dan pembangunan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.

### **Kajian Lepas**

Bagi kajian politik pilihan raya luar negara, menurut Abdul Halim, Zarina & Azizan (2018), Revolusi Iran pada tahun 1979 adalah antara Revolusi dunia telah mengubah domestik dalaman Iran dari sebuah kerajaan monarki kepada Republik Islam, malah turut mencorakkan landskap dan geopolitik Rantau Timur Tengah. Kepimpinan Republik Iran pasca Revolusi Iran (1979-2017) telah mewujudkan ketegangan di antara fahaman Sunni-Syiah di Rantau Timur Tengah dan menyumbang terhadap pergolakan di kalangan negara-negara Arab. Hubungan Iran-Saudi pasca Revolusi Iran 1979 telah menjadi punca Rantau Timur Tengah dalam keadaan tidak stabil. Ia seolah-olah telah menubuhkan blok negara 'Pro-Arab Saudi' dan 'Pro-Iran', 'Perang Dingin' di Rantau Timur Tengah, perlumbaan senjata dan persaingan kekuatan ketenteraan antara Saudi dan Iran serta konflik Sunni-Syiah di Rantau Timur Tengah. Carison & Gimpel (2019) dalam kajian *Political implications of residential mobility and stasis on the partisan balance of locales* menggambarkan corak pergerakan beberapa juta pengundi dalam enam wilayah negara. Penghijrahan ini dilihat lebih tertarik kepada kawasan kejiranan yang lebih bersesuaian dengan politik parti pendaftaran mereka. Mereka yang menukar parti pendaftaran mereka apabila berpindah kelihatan sangat sensitif terhadap perbezaan iklim politik. Hasil kajian mendapati bukti berdasarkan model untuk berjuta-juta bukan penggerak yang berhijrah adalah konsisten dengan pemusnahan politik parti tunggal sama seperti kawasan yang mempunyai ekonomi yang kukuh.

Bagi kajian politik pilihan raya dalam negara, menurut Akmar Hayati & Siti Zobaidah (2014) pada tahun 2008, peratus remaja yang membaca akhbar untuk menelaah isu semasa dan politik adalah sebanyak 54 peratus tetapi menurun kepada 38 peratus pada tahun 2011 dan 32 peratus pada 2013. Berpandukan kepada statistik tersebut jelas menunjukkan bahawa remaja kini semakin kurang membaca. Trend menunjukkan wujudnya jurang penerimaan akhbar yang ketara dalam kalangan golongan remaja. Menurut Fatimah & Ali (2015) menyatakan bahawa pemboleh ubah seperti penggunaan media baru dengan partisipasi politik media baru secara

online dan juga partisipasi politik offline saling memiliki hubungan. Media baru disokong sebagai ruang demokrasi maklumat dan belia aktif dalam partisipasi politik secara online dan juga offline.

Bagi kajian politik pilihan raya di negeri Selangor, Junaidi et al. (2015) menjelaskan bahawa jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Keseluruhannya, persepsi terhadap dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah positif namun pengundi mengharapkan agar isu ekonomi iaitu isu kenaikan harga barangan dan peluang pekerjaan dapat ditangani oleh pihak yang berwajib agar kehidupan mereka lebih baik. PRK DUN Kajang juga memperlihatkan pengekalan 'status quo' iaitu kemenangan kepada PKR kerana impak keputusan PRU 2013 masih baru dan terkesan oleh pengundi di DUN Kajang. Junaidi (2017) dalam kajian politik kaum Melayu di kawasan DUN Semenyih, Selangor mendapati bahawa majoriti responden Melayu bersetuju dengan dasar awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Selangor. Mereka bersikap positif terhadap sebarang dasar yang bermanfaat untuk rakyat jelata tanpa mengira fahaman politik. Dasar yang mengutamakan keperluan dan kebajikan rakyat akan terus mendapat sokongan rakyat terutamanya dasar yang dekat dihati rakyat. Justeru, pihak berkuasa perlu konsisten dalam melaksanakan polisi sosioekonomi yang baik demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat.

### **Metodologi dan Kawasan Kajian**

Data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data ini dikumpul oleh pengkaji melalui kajian lapangan seperti soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Kaedah soal selidik adalah kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti latar belakang responden, seperti umur, jantina dan lain-lain. Dengan menggunakan kaedah soal selidik, 50 orang soal selidik disediakan untuk diisi oleh 50 orang responden. Kawasan yang terlibat untuk melakukan soal selidik dan temu bual ialah di Hulu Yam Baru 1 bagi luar bandar manakala Pekan Batang Kali bagi kawasan bandar dan pembahagian responden mengikut bangsa iaitu 70% Melayu, 20% Cina manakala 10% India.

Kajian ini juga mendapat maklumat dengan menggunakan kaedah temu bual. Item dalam soal selidik yang berkaitan dengan sumber maklumat politik dan isu semasa dan kepuasan terhadap pembangunan fizikal menjadi asas kepada soalan temu bual. Jumlah orang yang ditemu bual adalah seramai 5 orang iaitu terdiri daripada pihak yang terlibat secara aktif dalam politik. Responden yang dipilih adalah yang mempunyai latar belakang politik dari pelbagai jenis parti iaitu UMNO, PAS, PKR dan BERSATU.

Pemerhatian lapangan dilakukan sebelum, semasa dan selepas menjalankan kajian bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai kawasan kajian. Kaedah pemerhatian turut membantu dalam mengumpul maklumat dan data. Melalui kaedah ini turut memberi gambaran tentang perkara yang berlaku di kawasan DUN Batang Kali untuk memudahkan lagi menjalankan penyelidikan. Kaedah ini digunakan untuk melihat kawasan kajian yang ingin dikaji tentang struktur dan komposisi penduduk di DUN Batang Kali.

Rujukan data statistik digunakan bagi memperoleh jumlah statistik daftar pemilih terkini mengikut kaum di kawasan kajian. Data statistik yang diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Melalui data statistik ini, pengkaji boleh melihat keputusan di setiap kawasan

DUN. Oleh itu, pengkaji boleh mengetahui jumlah dan kaum terkini dalam daftar pemilih. Rujukan ini penting kerana ia membantu dalam menganalisis impak terhadap pembangunan setempat terhadap tingkah laku responden di kawasan kajian.

Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh penyelidik lain boleh digunakan sebagai rujukan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini mahupun masa depan.

Kaedah kepustakaan merupakan rujukan yang dilakukan dengan menggunakan bahan bacaan tambahan yang diperoleh dari perpustakaan. Dalam menyelesaikan tugas, beberapa bahan rujukan telah digunakan bagi menambahkan lagi maklumat untuk menghasilkan sesebuah kajian yang lengkap. Selain itu, buku rujukan seperti buku ilmiah, jurnal, akhbar, laporan penyelidikan, kertas seminar dan persidangan serta lain-lain turut digunakan bagi mempelbagaikan sumber rujukan.

Kaedah kajian atas talian turut digunakan bagi mencapai maklumat dengan lebih mudah. Antara bahan rujukan yang digunakan ialah dengan melayari laman web internet, akhbar online, sumber WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain untuk memperbanyakkan lagi maklumat mengenai kawasan DUN Batang Kali.

Analisis data merupakan salah satu proses penelitian yang dilakukan setelah semua data yang diperlukan guna memecahkan permasalahan yang diteliti sudah diperoleh secara lengkap. Data yang dikumpulkan melalui set soal selidik dan ujian bertulis telah diproses dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0 dan Microsoft Excel untuk menganalisis daripada data yang diperoleh.

### **Kawasan kajian**


Kawasan ini mempunyai ciri-ciri tanah yang sesuai untuk penanaman kelapa sawit dan getah seperti tanah aluvium, lateri dan gambut. Penanaman pokok kelapa sawit lebih dominan daripada getah kerana bentuk muka bumi di kawasan ini lebih sesuai dengan tanaman kelapa sawit. Selain itu, ciri fizikal adalah tanah pamah keseluruhannya dan terdapat juga kawasan yang berbukit. Terdapat juga sebatang sungai di Batang Kali yang dipanggil Sungai Batang Kali. Kawasan Batang Kali pernah mengalami kejadian banjir yang disebabkan oleh sungai tidak dapat menampung isi padu air yang terlalu banyak. Kesannya, hakisan sungai berlaku dan menyebabkan sungai menjadi cetek. Batang Kali mempunyai kawasan penempatan yang lebih daripada 8,000 buah rumah dan mempunyai penduduk seramai 40,000 ke 50,000 orang. Kebanyakan penduduk di Mukim Batang Kali adalah daripada kawasan luar yang melakukan migrasi atas faktor tertentu seperti bekerja, belajar dan sebagainya. Salah satu faktor yang berlakunya migrasi ialah peluang pekerjaan yang terdapat di Mukim Batang Kali.

Selain itu, di kawasan ini terdapat kemudahan pengangkutan seperti jalan raya. Pembinaan jalan raya yang terdapat di Mukim Batang Kali boleh menghubungkan penduduk untuk ke Kuala Lumpur, Genting Highland dan berdekatan dengan lebuh raya. Kawasan pembangunan di Batang Kali mula berkembang dan penduduk semakin meningkat. Ini berdasarkan terdapat pembangunan infrastruktur seperti Econsave, perhentian bas dan deretan bangunan kedai yang dapat memenuhi keperluan penduduk. Penduduk kawasan ini keseluruhannya ialah beragama Islam. Oleh sebab itu, di kawasan kajian Batang Kali terdapat beberapa buah masjid antaranya

masjid Kampung Sungai Masin dan masjid Bandar Baru Batang Kali dan lain-lain. Kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor turut mempunyai masyarakat yang beragama lain dan kawasan ini turut mempunyai pusat beribadah untuk golongan Kristian dan Buddha.

Selain itu, kawasan ini juga mempunyai beberapa buah sekolah rendah dan sekolah menengah antaranya Sekolah Menengah Sains Sains Hulu Selangor. Sekolah ini menjadi tumpuan dan dijadikan tempat pengajian anak penduduk yang menetap di DUN Batang Kali kerana berhampiran dan memudahkan mereka untuk menghantar anak dan mengambilnya bila tamat waktu persekolahan. Bagi peringkat seterusnya, DUN Batang Kali mempunyai sebuah pusat pengajian iaitu Kolej Komuniti Hulu Selangor dimana pelajar lepasan menengah boleh menyambung pengajian dalam bidang kemahiran.

DUN Batang Kali dikenali sebagai N.07 terletak dalam kawasan Parlimen Hulu Selangor bersama-sama dengan DUN Hulu Bernam dan Kuala Kubu Bharu. DUN ini yang merangkumi 11 kawasan Daerah Mengundi iaitu Bukit Rasa, Batang Kali, Hulu Kali, Kampung Padang, Hulu Yam Bharu 1, Hulu Yam Bharu 2, Serendah, Sungai Choh, Sungai Gapi, Sungai Choh Barat, Sungai Buaya dan Bukit Beruntung (Lihat Rajah 1).



**Rajah 1: Peta Kawasan DUN Batang Kali**

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

Pada tahun 1990, DUN Batang Kali telah dimenangi oleh Muhammad bin Muhammad Taib dari Barisan Nasional yang memperoleh 8,575 undi dengan majoriti 5,190 undi. Barisan Nasional dicabar Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan calonnya iaitu Sinniah a/l

Periannan yang memperoleh 3,385 undi. Pada tahun tersebut, jumlah peratus pengundian adalah 75.82% dan kertas undian yang dikeluarkan ialah 12,482 dengan jumlah pemilih seramai 16,462 orang. Seterusnya, pada tahun 1995 calon dari Barisan Nasional iaitu Muhammad bin Muhammad Taib menang tanpa bertanding.

Bagi tahun 1999, Dato' Hj Zainal Abidin bin Hj. Sakom dari Barisan Nasional memperoleh 9,048 undi iaitu menang dengan majoriti 4,907 undi. Shariffuddin bin Budin dari Parti Keadilan Nasional telah menjadi pencabar kepada Barisan Nasional dengan 4,141 undi. Walau bagaimanapun, jumlah pemilih ialah 18,718 dan kertas undian yang dikeluarkan adalah 13,648 serta peratus pengundian ialah 72.91%. Seterusnya, penyandang iaitu Dato' Hj Zainal Abidin bin Hj. Sakom dari Barisan Nasional sekali lagi memenangi di DUN Batang Kali pada tahun 2004. Beliau telah mengalahkan Halili bin Rahmat dari Parti Keadilan Nasional dengan majoriti 8,828 undi. Peratus pengundian ialah 76.82%. Barisan Nasional memperoleh 12,898 undi manakala Parti Keadilan mendapat 4,070 undi.

Bagi tahun 2008, Mohd Isa bin Abu Kasim dari Barisan Nasional memperoleh 11,724 undi iaitu menang dengan majoriti 2,179 undi. Barisan Nasional mempunyai pesaing dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Mohd. Nashruddin bin Abd Aziz yang memperoleh 9,545 undi. Jumlah pemilih seramai 27,832, kertas undi yang dikeluarkan sebanyak 21,673 dan peratusan pengundian ialah 77.87%. Dalam Pilihan Raya Umum ke-13, DUN Batang Kali telah dimenangi oleh Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan dari Barisan Nasional yang memperoleh 21,189 undi dengan majoriti 5,398 undi. Barisan Nasional menerima tentangan dari Parti Keadilan Rakyat iaitu Ramachandran a/l Kandasamy yang mendapat 15,791 undi, calon Bebas iaitu Mustapa Kamal bin Sapongi dan Mustaf bin Talib masing-masing mendapat 734 undi dan 476 undi sekali gus hilang wang deposit. Sebanyak 38,824 kertas undi telah dikeluarkan dan peratus pengundi adalah 89.10%.

PRU-14, pada tahun 2018 telah menyaksikan kawasan DUN Batang Kali dimenangi oleh calon Pakatan Harapan (PH) yang menggunakan logo PKR daripada PPBM/BERSATU iaitu, YB Tuan Harumaini Omar. Jumlah undian yang diterima adalah 21,536 undi dengan majoriti 8,315 undi. Pesaing yang turut menyertai PRU1-14 ialah Datuk Hj. Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan iaitu calon Barisan Nasional yang mendapat 13,221 undi manakala Hj. Md Hasnizan Harun iaitu calon Parti Islam SeMalaysia mendapat 7,408 undi.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Analisis secara kuantitatif dan kualitatif adalah bagi menghuraikan objektif kajian yang berkaitan dengan Politik Pilihan Raya dan Pembangunan di Kawasan DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. Objektif utama penting kerana pengkaji ingin membincangkan tentang kepuasan terhadap pembangunan dan perkhidmatan pihak berkuasa di kawasan kajian pasca PRU 2018. Akhir sekali, membincangkan impak pembangunan setempat dan tingkah laku politik responden.

### ***Kepuasan Terhadap Jenis Pembangunan***

Perancangan pembangunan adalah penting bagi kebanyakan kawasan yang membangun. Bagi memastikan segala perancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik, kadar pertumbuhan positif bagi harus dikekalkan. Selain itu, pembangunan di sesebuah kawasan adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk termasuk peningkatan pendapatan, taraf pekerjaan, pendidikan dan lain-lain. Sebagai contohnya dalam tempoh Rancangan

Malaysia Ketujuh, pembangunan rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam meliputi pengangkutan, komunikasi, bekalan air, elektrik telah ditumpukan kepada peningkatan keupayaan melalui pendekatan perancangan bersepadu bagi memastikan kemudahan yang diperlukan dapat diperolehi. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan pula, penekanan diberi kepada peningkatan keupayaan aksesibiliti di kawasan kurang maju atau luar bandar, manakala di kawasan bandar pula tumpuan adalah untuk memantapkan kecekapan dan memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam. Antara jenis pembangunannya ialah kemudahan jaringan jalan raya dan lebuh raya, jaringan kereta api, hentian bas, peranti dan rangkaian telekomunikasi, pasar tani dan perniagaan keperluan barangan harian, dewan awam, pusat pendidikan, pusat kesihatan, pusat khidmat awam, pusat ibadah, pusat rekreasi dan perumahan awam.

Berdasarkan Jadual 1, kemudahan pusat ibadah mempunyai peratusan pilihan responden yang tertinggi iaitu 90 peratus berpuas hati (54 peratus puas hati dan 36 peratus sangat puas hati). Hal ini kerana penduduk di kawasan kajian mendapati bahawa kemudahan pusat ibadah yang disediakan oleh pihak berkenaan adalah sangat lengkap dan selesa. Sebagai contoh, Batang Kali mempunyai sebuah masjid besar yang boleh menampung penduduk disekitarnya dan terdapat juga banyak surau-surau yang berdekatan manakala mereka yang beragama hindu juga disediakan kuil. Pusat ibadah bukan sahaja dilakukan untuk beribadah malah dijadikan tempat melakukan aktiviti lain yang bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara satu dengan yang lain.

**Jadual 1: Kepuasan Terhadap Jenis Pembangunan di Kawasan kajian (Peratus)**

1. Sangat Tidak Puas Hati    2. Tidak Puas Hati    3. Tidak Pasti    4. Puas Hati    5. Sangat Puas Hati

Bil.	Jenis pembangunan di kawasan kajian	1	2	3	4	5
1.	Kemudahan jaringan jalan raya dan lebuh raya	0	4	14	64	18
2.	Kemudahan jaringan kereta api	0	8	16	56	20
3.	Kemudahan hentian bas	2	14	32	38	14
4.	Kemudahan peranti dan rangkaian telekomunikasi	10	6	16	50	18
5.	Kemudahan pasar tani dan perniagaan keperluan barangan harian	0	8	8	56	28
6.	Kemudahan dewan awam	0	0	16	58	26
7.	Kemudahan pusat pendidikan	13	6	12	56	0
8.	Kemudahan pusat kesihatan	0	12	6	64	18
9.	Kemudahan pusat khidmat awam	0	10	18	56	16
10.	Kemudahan pusat ibadah	0	2	8	54	36
11.	Kemudahan pusat rekreasi	2	12	8	62	16
12.	Perumahan awam	2	6	16	54	22

Sumber: Soal selidik 2020

Seterusnya, jenis pembangunan iaitu kemudahan dewan awam mempunyai peratusan sebanyak 26 peratus. Responden sangat berpuas hati dengan kemudahan dewan awam yang diberikan kerana di kawasan Batang Kali dan Hulu Yam 1 terdapatnya tiga jenis dewan yang boleh digunakan oleh orang ramai. Antaranya ialah Dewan Dato Hamid, Batang Kali, Dewan Awam



Batang Kali dan Dewan Awam Hulu Yam. Ketiga-tiga kemudahan ini sering dimanfaatkan oleh penduduk dengan melakukan majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan, kempen derma darah, perniagaan dan sebagainya.

Selain itu, responden sangat berpuas hati dengan pembangunan perumahan awam iaitu 22 peratus. Tidak dinafikan bahawa kawasan DUN Batang Kali, Selangor terutama Batang Kali sedang giat membangun. Pelbagai jenis pembangunan yang dilakukan terutamanya perumahan awam. Banyak projek perumahan dilakukan dan kawasan baharu dibuka. Dengan adanya pembangunan perumahan, lebih ramai masyarakat mampu meningkatkan taraf hidup dengan adanya tempat tinggal. Pembangunan yang dilakukan juga dapat menarik ramai masyarakat yang tinggal di kawasan lain untuk datang ke kawasan ini. Sebagai contoh, projek perumahan yang telah dilakukan di kawasan Tamuhill, Batang Kali, Selangor menyebabkan ramai pekerja yang bekerja di Genting Highland dan Kuala Lumpur menetap di kawasan Batang Kali.

Walau bagaimanapun, responden paling tidak puas hati dengan kemudahan pendidikan yang disediakan dimana peratusan yang diperoleh ialah sebanyak 13 peratus. Pembangunan yang pesat di kawasan ini sangat bagus tetapi tidak dari segi jenis pendidikan. Hulu Selangor adalah negeri yang sangat strategik dari semua sudut tetapi kawasan ini tidak mempunyai Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pertambahan penduduk di kawasan kajian menyebabkan pusat pengajian tinggi amat diperlukan supaya masyarakat yang tinggal di sini boleh mencapai tahap pendidikan yang tinggi tanpa perlu berhijrah ke kawasan lain. Selain itu, terdapat banyak sekolah kerajaan yang tidak mempunyai kemudahan dewan bagi kegunaan aktiviti harian di sekolah. Keadaan ini menyebabkan para pelajar sukar untuk berhimpun dan melakukan aktiviti sekiranya ada program yang ingin dilakukan oleh pihak sekolah.

Responden juga mengatakan bahawa tiada sebarang inisiatif bantuan kewangan untuk pelajar sekolah dan IPT diberikan walaupun negeri Selangor dikatakan negeri yang kaya. Selain itu, pembangunan kemudahan peranti dan rangkaian telekomunikasi mencapai 10 peratus bagi tahap sangat tidak puas hati. Hal ni demikian kerana masalah peranti dan rangkaian telekomunikasi sangat terus di kawasan kajian lebih-lebih lagi pada waktu hujan. Responden mengatakan bahawa untuk mendapatkan internet di kawasan ini adalah sangat sukar tanpa mengira masa sehingga kerja harian mereka terganggu. Jelasnya, dengan situasi sekarang yang iaitu pekerja dikehendaki bekerja dari rumah tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana rangkaian internet sukar dicapai. Selain itu, responden terpaksa keluar dari kawasan rumah untuk mendapatkan internet yang lebih baik dan laju. Sebagai contoh, kawasan TamuHill, Antara Gapi dan Ligamas adalah kawasan bandar yang sedang membangun tetapi tidak mencapai tahap kepuasan dalam sistem peranti dan rangkaian telekomunikasi.

Akhir sekali, sebanyak 8 peratus responden sangat tidak puas hati dengan kemudahan pasar tani dan perniagaan keperluan barangan harian. Lokasi pasar tani yang diwujudkan tidak strategik dan kurang kemudahan menyebabkan responden tidak berpuas hati. Kawasan pasar tani adalah kecil dan terpaksa bersesak serta tidak mempunyai ruang tempat letak kenderaan yang banyak. Sebagai contoh, pasar tani di Batang Kali terletak bersebelahan dengan jalan besar menyebabkan selalu berlaku kesesakan jalan raya dan akibatnya kemalangan banyak terjadi. Ruang tempat letak kenderaan yang terhad menyebabkan ramai yang meletakkan kenderaan di bahu jalan utama. Tambahan pula, kes kemalangan kerap berlaku di kawasan ini kerana kecuaiian dan kesalahan pengguna jalan raya tersebut. Kesimpulannya, diharapkan

pihak yang berwajib dapat memberi perhatian dan memenuhi segala kemudahan untuk masyarakat setempat.

### ***Impak Pembangunan Setempat Terhadap Sosioekonomi***

Berdasarkan hasil kajian, impak tertinggi terhadap pembangunan setempat terhadap sosioekonomi ialah 76 peratus berlakunya kesesakan lalu lintas di kawasan ini (Lihat Jadual 2). Kesesakan lalu lintas disebabkan oleh pertambahan penduduk di kawasan ini menyebabkan pertambahan dari segi jumlah penduduk, pengguna jalan raya dan jumlah kenderaan semakin bertambah. Struktur jalan raya yang sempit mengakibatkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu kemuncak iaitu pagi dan petang dan masalah lampu isyarat yang tidak berfungsi. Hal ini demikian kerana penduduk yang tinggal di kawasan sekitar melakukan pergerakan secara serentak pada masa yang sama untuk ke tempat kerja dan pulang selepas bekerja.

**Jadual 2: Impak Pembangunan Setempat Terhadap Sosioekonomi (Peratus)**

Bil.	Impak pembangunan setempat terhadap sosioekonomi	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Kesesakan lalu lintas berlaku di kawasan ini.	76	16	8
2.	Berlakunya pembangunan yang pesat di kawasan ini.	74	14	12
3.	Berlakunya migrasi masuk di kawasan ini.	74	10	16
4.	Darjah ketersampaian penduduk semakin meningkat.	72	6	22
5.	Kadar darjah ketersampaian digital atau telekomunikasi memuaskan penduduk.	68	14	18
6.	Kualiti hidup masyarakat setempat meningkat.	62	12	26
7.	Tahap pendidikan penduduk tinggi.	58	30	12
8.	Nasib golongan B40 dan B20 dibela dengan sebaiknya.	58	24	18
9.	Kemudahan asas penduduk memuaskan.	58	18	24
10.	Keselamatan di kawasan DUN Batang Kali, Selangor terjamin.	58	14	28
11.	Berlakunya peningkatan masalah jenayah selepas berlakunya pembangunan fizikal.	52	22	26
12.	Peluang pekerjaan semakin bertambah di kawasan ini.	46	36	18

Sumber: Soal Selidik 2020

Selain itu, sebanyak 74 responden bersetuju bahawa kesan daripada pembangunan terhadap sosioekonomi di kawasan ini ialah berlaku pembangunan yang pesat. Terdapat pelbagai pembangunan yang dilihat oleh responden berlaku di kawasan ini seperti pembangunan pembangunan perumahan, pembinaan masjid, perbaiki sistem longkang dan perparitan dan lain-lain. Sebagai contoh, kegiatan pembangunan perumahan Selangor Ku iaitu rumah kos rendah bagi pengundi di Selangor. Pembangunan dalam penambahbaikan jaringan jalan raya

juga berlaku di mana jambatan Batang Kali diperbesarkan lagi untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Seterusnya, 74 peratus responden bersetuju bahawa berlakunya migrasi masuk di kawasan DUN Batang Kali, Selangor. Pembangunan yang pesat dari pelbagai aspek telah menarik ramai orang luar untuk berhijrah ke kawasan ini tidak kira warga tempatan mahupun warga asing. Kemudahan dan peluang pekerjaan yang wujud menjadi faktor utama kepada migrasi masuk. Buktinya, di kawasan Batang Kali berlakunya kebanjiran warga asing dari Bangladesh, Nepal, Aceh dan lain-lain. Kedai runcit yang ada juga banyak dibuka oleh warga asing terutama Aceh. Walaupun pembangunan telah banyak berlaku di kawasan ini, keselamatan masyarakat tempatan harus diambil kira supaya tidak berlaku sebarang masalah jenayah dan masyarakat boleh hidup dengan selamat, aman dan damai.

Akhir sekali, impak tertinggi pembangunan yang dilihat oleh responden ialah darjah ketersampaian penduduk semakin meningkat dengan 72 peratus. Darjah ketersampaian boleh ditakrifkan sebagai tahap atau peringkat sesuatu keadaan sama ada kawasan itu mudah atau sukar untuk dihubungkan. Perkara ini terbukti dengan adanya pembinaan lebuh raya KL-Ipoh, lima exit highway di Selangor dan Rawang Bypass Federal yang menghubungkan Rawang dengan Serendah. Masyarakat mampu bergerak satu kawasan ke kawasan lain dengan lebih cepat dan mudah. Darjah ketersampaian bukan sahaja mengambil kira jalan raya, tetapi juga jaringan kereta api. Kawasan ini mempunyai pengangkutan awam kereta api yang menghubungkan kawasan luar bandar kepada Bandar. Kesannya, masyarakat yang tinggal di kawasan ini boleh menggunakan kereta api untuk bekerja di Kuala Lumpur tanpa perlu berhadapan dengan kesesakan lalu lintas.

#### ***Pembangunan Infrastruktur Yang Telah Siap Di Kawasan Kajian Selepas PRU-14***

Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa projek utama yang telah siap di kawasan ini selepas PRU-14. Antaranya ialah menaiktaraf dan pembesaran jalan raya di kawasan sekitar. Sebelum menaiktaraf dibuat, keadaan jalan raya di kawasan ini tidak diselia dengan baik dan kurang kemudahan asas. Kawasan yang sering mengalami kesesakan dikenal pasti dan dilakukan pembesaran jalan. Ini kerana pertambahan penduduk dan peningkatan bilangan kenderaan semakin bertambah. Kesesakan di jalan raya mendatangkan banyak kerugian terhadap masyarakat dari segi masa, tenaga dan kewangan. Keadaan permukaan jalan raya yang tidak rata, berlubang, tiada lampu jalan, tiada lampu isyarat dan sebagainya telah menyebabkan banyak kemalangan berlaku. Sebagai contoh, kemalangan sering berlaku di kawasan perkilangan di Batang Kali kerana jalan tersebut gelap pada waktu malam dan bentuk muka bumi yang berbukit menyebabkan kemalangan maut sering berlaku. Oleh itu, pembinaan jalan raya yang sempurna dan dilengkapi dengan kemudahan amat diperlukan oleh pengguna supaya kes kemalangan dapat dielakkan. Sekiranya pembangunan jalan raya tidak dilaksanakan dengan sempurna, bukan sahaja boleh mengakibatkan kemalangan malah pelabur luar juga tidak akan berminat untuk melabur di sini. Peningkatan darjah ketersampaian masyarakat akan terhad dan sukar untuk melakukan aktiviti ekonomi.

Selain itu, pembinaan kawasan perumahan telah siap dibina di kawasan ini terutama rumah kos rendah. Perumahan mampu milik atau Rumahku Selangor adalah salah satu contoh baik yang membolehkan golongan milenial, B40 dan M40 untuk mendapatkan akses kepada pemilikan rumah yang berkualiti dan mampu dimiliki yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pihak swasta telah berjaya menyiapkan 3,620 unit Rumah Selangorku dan tambahan

sebanyak 20,267 unit sedang dalam pelbagai peringkat pembangunan dan dijual dengan harga di antara RM 42,000 sehingga RM 250,000. Malah Kerajaan Selangor juga telah memperkenalkan skim Smart Selangor First Home Buyers di mana Kerajaan Negeri akan mendahulukan pembayaran deposit sebanyak 10% tertakluk kepada jaminan pembiayaan yang diperoleh oleh pembeli melalui bank atau institusi kewangan lain untuk pembelian Rumah Selangorku.

Seiring dengan aktiviti ekonomi yang sedang membangun, kawasan perniagaan dan pasar raya telah diwujudkan bagi mengkhususkan dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang berkemahiran dan cekap. Perniagaan telah memberi pelbagai faedah kepada masyarakat kerana aktiviti-aktiviti perniagaan dapat memenuhi kehendak dan keperluan dengan menyediakan berbagai-bagai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Kawasan yang selesa dan dipenuhi dengan kelengkapan akan memudahkan lagi para peniaga untuk berniaga. Contohnya, pasar raya Econsave dan Tesco yang dibina telah dimanfaatkan oleh semua penduduk sekitar bagi mendapatkan keperluan harian. Projek pembinaan stesen minyak 24 jam. Stesen minyak jelas sekali kurang di kawasan ini tetapi pihak berwajib telah merancang dan membina stesen minyak bagi kemudahan rakyat. Perkara ini penting kerana ia bakal memudahkan pergerakan rakyat di kawasan setempat dan rakyat tidak perlu ke stesen minyak yang jauh daripada kawasan ini.

Seterusnya, penukaran paip bawah tanah dilakukan oleh pihak berkenaan. Terdapat pelbagai jenis paip dalam sistem saluran bawah tanah antaranya ialah sistem pengurusan sisa buangan dan bekalan air bersih. Penukaran paip bawah tanah penting kerana paip lama yang digunakan adalah dari besar. Penggunaan besi menyebabkan air yang dialirkan menjadi kotor kerana bercampur dengan karat. Penukaran kepada paip yang dibuat memberikan masyarakat sumber air yang lebih bersih dan terjamin kualitasnya berbanding sebelum ini. Tempat beriadah atau kawasan rekreasi telah siap dibina di kawasan ini.

Di setiap kawasan perumahan baharu akan dibina taman untuk masyarakat melakukan riadah bersama keluarga. Aktiviti rekreasi dapat melapangkan minda dan fikiran masyarakat. Hal ini demikian kerana dalam mengharungi kesibukan serta tekanan belajar, aktiviti rekreasi seperti berjoging dilihat sebagai suatu penyelesaian yang baik kepada masyarakat untuk melapangkan minda sebentar dari ruang lingkup kerja. Beriadah dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Contohnya, ketika menjalankan aktiviti rekreasi kita dapat berkenalan dengan masyarakat di sekeliling dan dapat membentuk perhubungan yang membawa kepada perpaduan majmuk dalam kalangan masyarakat. Perhubungan yang baik hasil daripada aktiviti rekreasi juga dapat membawa kepada pembentukan komuniti yang bukan sahaja sihat dari segi kesihatan malah sihat dari segi perhubungan masyarakat itu sendiri.

### ***Impak Pembangunan Setempat Terhadap Politik***

Dalam impak pembangunan setempat terhadap politik, 92 responden telah bersetuju bahawa semua pihak perlu bekerjasama dalam memastikan pembangunan yang kian pesat dapat memberikan manfaat kepada rakyat seterusnya dapat melestarikan persekitaran semula jadi (Lihat Jadual 3). Kerjasama antara semua pihak tanpa mengira politik, agama dan sebagainya adalah penting kerana banyak pandangan dan pendapat boleh digabungkan dalam membuat sesuatu keputusan yang bijak. Sekiranya kerjasama itu tidak wujud dalam semua pihak, maka kawasan ini tidak akan maju dan membangun serta akan terus mundur ketinggalan.

**Jadual 3: Impak Pembangunan Setempat Terhadap Politik Pilihan Raya Di Kawasan Kajian (Peratus)**

Bil.	Impak pembangunan setempat terhadap politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Semua pihak perlu bekerjasama dalam memastikan pembangunan yang kian pesat dapat memberikan manfaat kepada rakyat seterusnya dapat melestarikan persekitaran semula jadi.	92	8	0
2.	Pemimpin politik setempat terutamanya wakil rakyat perlu kreatif dan mempunyai hubungan baik dengan pimpinan politik tertinggi dan juga pemaju pembangunan agar kawasan mereka lebih maju.	92	6	2
3.	Pembangunan fizikal/infrastruktur perlu dirancang dengan baik agar tidak timbul isu/masalah lain yang menyusahkan rakyat.	90	6	4
4.	Wakil rakyat perlu rajin dan proaktif dalam mencari pelabur atau pemaju pembinaan agar pembangunan lebih rancak di kawasannya.	88	8	4
5.	Politik pembangunan penting untuk memastikan pengundi terus menyokong parti politik yang berfalsafah sedemikian.	88	6	6
6.	Janji pembangunan dalam manifesto pilihan raya oleh parti politik perlu ditunaikan sebaik dan secepat mungkin.	86	10	4
7.	Pengundi yang rasional akan mengundi pemimpin atau parti politik yang mampu dan berpengalaman membawa pembangunan.	84	10	6
8.	Pemimpin dan parti politik yang dapat membawa pembangunan di kawasan ini akan terus mendapat sokongan pengundi.	84	6	10
9.	Binaan infrastruktur yang telah beroperasi perlu di selenggara dengan baik agar dapat diguna oleh rakyat dalam jangka masa panjang seterusnya mendapat kepercayaan dan sokongan rakyat.	82	14	4
10.	Prestasi pimpinan politik terhadap pembangunan setempat yang rancak akan mendorong saya untuk menyokong pimpinan tersebut.	78	8	14
11.	Pengundi lebih mengutamakan pemimpin yang mesra dan kerap turun padang berbanding pemimpin yang membawa pembangunan.	76	16	8

Sumber: Soal Selidik 2020

Selain itu, 92 responden yang bersetuju bahawa pemimpin politik setempat terutamanya wakil rakyat perlu kreatif dan mempunyai hubungan baik dengan pimpinan politik tertinggi pemaju pembangunan agar kawasan mereka lebih maju. Hal ini disebabkan oleh komunikasi dan hubungan yang rapat dengan pemimpin politik tertinggi dapat membantu wakil rakyat untuk mendapatkan dana atau bantuan dalam memajukan lagi kawasan ini. Wakil rakyat yang akan dipandang oleh pemimpin politik tertinggi kerana adanya sifat tanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tugas yang telah diberi. Seterusnya, pembangunan fizikal/infrastruktur

perlu dirancang dengan baik agar tidak timbul isu/masalah lain yang menyusahkan rakyat telah disetujui oleh responden sebanyak 90 peratus.

Setiap pembangunan yang ingin dilakukan mesti dirancang dengan teliti bersama pihak yang berkenaan supaya ia memberi pelbagai manfaat kepada rakyat dan bukannya yang mendatangkan masalah. Sekiranya perkara ini berlaku, rakyat akan terus memberi sokongan pada masa akan kepada kerajaan yang mampu memberi pembangunan yang bermanfaat. Contohnya, dalam perancangan untuk membina perumahan kerajaan perlu mengambil kira dari segi isi pendapatan bulanan penduduk di kawasan sekitar supaya rumah yang bakal dibina mampu dibeli oleh masyarakat tempatan. Pembinaan yang dilakukan haruslah menepati sasaran dan bukan hanya sekadar ingin menjalankan pembangunan tersebut seperti pembinaan rumah mewah sangat tidak sesuai di kawasan ini. Akhir sekali, 88 peratus iaitu wakil rakyat perlu rajin dan proaktif dalam mencari pelabur atau pemaju pembinaan agar pembangunan lebih rancak. Sebagai wakil rakyat, tugas lainnya adalah mencari pelabur dan memikirkan cara bagaimana untuk memajukan kawasan ini. Bukan hanya sekadar menunggu, tetapi harus mencari peluang kerana kawasan ini sangat berpotensi untuk dimajukan. Kesannya, pelbagai kebaikan boleh diperolehi seperti meningkatkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan negara, meningkatkan taraf hidup rakyat serta mengurangkan kadar pengangguran.

### ***Sokongan Terhadap Parti Politik/Kerajaan Yang Berjaya Merancakkan Pembangunan Sosioekonomi Dan Infrastruktur***

Hasil kajian mendapati bahawa 88 peratus responden akan mengundi parti politik atau kerajaan yang berjaya merancakkan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur di kawasan ini. Responden memberi pendapat bahawa sekiranya ahli politik dapat melakukan pelbagai jenis pembangunan di kawasan ini, ia akan membantu rakyat dari pelbagai aspek terutama kemudahan jalan raya, peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan sebagainya. Pihak kerajaan yang membela nasib rakyat akan dipilih oleh masyarakat kerana pemimpin yang bagus harus mengutamakan rakyat bukan hanya semata-mata mementingkan kuasa. Dalam merancakkan aktiviti ekonomi di kawasan ini, rakyat akan memilih parti yang berjaya kerana banyak pengalaman dan pembangunan yang berterusan dapat dilaksanakan. Seterusnya, 12 peratus responden tidak pasti akan mengundi parti politik atau kerajaan yang berjaya merancakkan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur di kawasan. Ini disebabkan oleh mereka kurang yakin bahawa kepimpinan yang akan datang dapat dilakukan secara berterus ataupun tidak. Responden berpendapat bahawa ahli politik hanya inginkan nama dan jawatan sahaja dalam politik tetapi tanggungjawab yang dijalankan tidak seiring dengan yang sepatutnya.

Menurut Datuk Hj. Mat Nadzari Ahmad Dahlan, Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor, beliau menimbulkan persoalan dan jawapan:

“Adakah orang telah mengundi parti yang memajukan kawasan sebelum ini? Tidak sama sekali. Sukar untuk mendapatkan keyakinan pengundi walaupun pemimpin lepas telah membangunkan sosioekonomi dan infrastruktur dengan rancak. Maka, ia tidak akan mempengaruhi saya juga. Perlu dilihat dari pelbagai sudut. Pembangunan yang dibawa kini adalah hanya sekadar pembangunan sedangkan rakyat tempatan masih lagi tidak mendapat manfaat daripada pembangunan tersebut. Sepatutnya, peluang pekerjaan harus diberi keutamaan kepada rakyat tempatan dan barulah boleh dibuka kepada tenaga kerja asing.”

(Datuk Hj. Mat Nadzari Ahmad Dahlan, 16 November 2020)

Menurut Encik Amirul Hafiz Sharif, Ahli aktif Armada BERSATU Bahagian Hulu Selangor, beliau menyatakan bahawa:

“Pengundi sudah tentu akan mengundi parti politik atau kerajaan yang berjaya merencanakan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur di kawasan ini. Rakyat pada masa kini semakin bijak dalam memilih pemimpin. Bagi ahli politik yang berjaya membangunkan kawasan ini akan dipilih sebagai pentadbir, manakala bagi mereka yang dilihat tidak mendatangkan sebarang hasil selama tempoh pentadbirannya, maka rakyat tidak akan mengundi beliau. Setiap orang sangat mementingkan faedah dan kebaikan yang bakal diperolehi sebelum mengundi ahli politik atau kerajaan tersebut. Tiada seorang pun yang inginkan pemimpin yang tidak mendatangkan hasil.”

(Encik Amirul Hafiz Sharif, 18 November 2020)

Menurut Encik Mokhtar Mohd, Ahli aktif PAS Batang Kali, beliau menyatakan bahawa:

“Sudah tentu akan mengundi parti politik yang berjaya merencanakan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur di kawasan ini. Parti politik hanya sekadar kepada parti dan apa yang lebih penting ialah pembangunan yang dilakukan. Bagi mewujudkan sebuah kawasan menjadi bandar, pembangunan sangat penting. Sekiranya kawasan ini ingin maju dan dilengkapi dengan pelbagai jenis kemudahan, maka haruslah mengundi parti yang berjaya merencanakan pembangunan.”

(Encik Mokhtar Mohd, 19 November 2020)

Menurut YB Puan June Leow Hsiad Hui, Ahli Parlimen Hulu Selangor, beliau menyatakan bahawa:

“Adalah tanggungjawab kepada wakil rakyat memajukan kawasan dengan pembangunan infrastruktur. Oleh itu, seharusnya mengundi ahli politik yang berjaya merencanakan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur kerana kemudahan yang banyak akan menarik ramai pelabur luar untuk melabur di kawasan ini. Kesannya, rakyat mempunyai peluang pekerjaan dan sekali gus dapat meningkatkan pendapatan.”

(YB Puan June Leow Hsiad Hui, 20 November 2020)

Menurut YB Tuan Harumaini Hj. Omar, ADUN Batang Kali, beliau menjelaskan bahawa:

“Sudah tentu parti politik yang berjaya merencanakan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur layak diundi. Pengundi tidak akan memilih parti yang tidak memberi manfaat kepadanya. Setiap pengundi inginkan pemerintah yang berdedikasi, bertanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tugas.”

(YB Tuan Harumaini Hj. Omar, 26 November 2020)

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa kepuasan responden terhadap pusat ibadah menjadi petunjuk bahawa adanya pembangunan fizikal yang dilakukan oleh ahli politik pasca PRU 2018. Kemudahan rumah ibadah yang lebih sempurna dan selesa menarik masyarakat untuk melakukan pelbagai aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan antara satu sama lain selain hanya beribadah. Kejayaan pemimpin atau ahli politik yang dapat memajukan

dan mengembangkan lagi kawasan ini akan terus disokong oleh pengundi setempat kerana mengundi mahu kawasan ini terus dimajukan sama seperti kawasan bandar besar. Jelas bahawa ahli politik amat memainkan peranan yang penting kepada pembangunan setempat. Kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya, menambah sumber rujukan kepada semua pihak, menjadi panduan kepada pihak yang berkaitan dan strategik pelaksanaan dasar awam dan gerak kerja dalam pentadbiran.

### **Biodata**

Junaidi Awang Besar (Dr.) ialah pensyarah kanan di Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Noor Amira Sukor ialah pelajar di Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

### **Rujukan**

- Abdul Halim Daud, Zarina Othman & Nor Azizan Idris. (2018). Hubungan Iran - Arab Saudi dan kestabilan rantau Timur Tengah. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 45(1): 147-176.
- Carison, C. & James G. Gimpel, J.G. (2019). Political implications of residential mobility and stasis on the partisan balance of locales. *Political Geography*. 71: 103-114.
- Datuk Hj. Mat Nadzari Ahmad Dahlan (Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor). (2020). Politik pilihan raya dan pembangunan di DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. Temu bual, 16 November.
- Encik Amirul Hafiz Sharif (Ahli aktif Armada BERSATU Bahagian Hulu Selangor). (2020). Politik pilihan raya dan pembangunan di DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. Temu bual, 18 November.
- Encik Mokhtar Mohd (Ahli aktif PAS Batang Kali). (2020). Politik pilihan raya dan pembangunan di DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. Temu bual, 19 November.
- Fatimah Akmal & Ali Salman. (2015). Partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 31(1): 81-100.
- Firdaus Azil. (2020). COVID-19: Selangor tanggung makanan petugas kesihatan sepanjang PKP. Astro Awani, 1 April 2020 COVID-19: Selangor tanggung makanan petugas kesihatan sepanjang PKP - MB | Astro Awani [20 November 2020].
- Junaidi Awang Besar. (2017). Keberkesanan Pelaksanaan dasar Awam di kawasan Dewan Undangan Negeri (N24) Semenyih, Selangor: Suatu pemerhatian terhadap pandangan pengundi Melayu. *Jurnal Melayu*. 16(2): 131-148
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Sity Daud. (2015). Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 11(8): 78-89.
- Keputusan Rasmi Pilihan Raya Umum  
[http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5\\_KedudukanAkhir.php](http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php).
- Keputusan Terkini Parlimen Selangor <http://pru14.spr.gov.my>



- Noraniza Binti Yusoff, Azlizan Talib & Yusuf Pon. (2011). Impak Pembangunan Infrastruktur ke atas Pembangunan Komuniti Penduduk di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia. *Journal of Governance and Development*. 7: 16-36.
- Norzamira Che Noh. (2020). COVID-19: Selangor umum pakej rangsangan ekonomi RM127.78 juta. Berita Harian Online, 20 Mac 2020 COVID-19: Selangor umum pakej rangsangan ekonomi RM127.78 juta (bharian.com.my) [20 November 2020].
- Norashikin Leman. (2016). MB digesa atasi isu kesesakan lalu lintas Selangor. Berita Harian Online, 29 Ogos 2016 MB digesa atasi isu kesesakan lalu lintas Selangor (bharian.com.my) [20 November 2020].
- Nur Farhana Abdul Manan. (2020). Selangor peruntuk RM272.5 juta Pakej Rangsangan Ekonomi 2.0 . Sinar Harian, 1 April 2020 Selangor peruntuk RM272.5 juta Pakej Rangsangan Ekonomi 2.0 (sinarharian.com.my) [20 November 2020].
- Portal Rasmi Negeri Selangor <https://www.selangor.gov.my>.
- Portal Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor  
<https://www.selangor.gov.my/huluselangor.php>.
- YB Puan June Leow Hsiad Hui (Ahli Parlimen Hulu Selangor). (2020). Politik pilihan raya dan pembangunan di DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. Temu bual, 20 November.
- YB Tuan Harumaini Hj. Omar (ADUN Batang Kali). (2020). Politik pilihan raya dan pembangunan di DUN Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor. Temu bual, 26 November.